

BAB 1

PENGENALAN

Islam telah memperuntukkan asas-asas pelaksanaan dalam sistem perundangannya secara sempurna bagi menjamin keperluan keadilan dapat ditegakkan dalam institusi masyarakat dan negara amnya. Bertitik-tolak daripada matlamat murni tersebut, Islam menuntut kepada manusia yang ditakliffkan sebagai khalifah Allah untuk memenuhi tuntutan amanah ini secara sempurna, bersesuaian dengan status kemuliaan manusia. Salah satu aspek keadilan yang penting ialah penguatkuasaan undang-undang jenayah yang begitu sinonim dengan keamanan dan kestabilan sesebuah negara yang bertamadun.

Secara umumnya, penulisan buku ini memfokuskan terhadap sejarah penubuhan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Selain itu, perbincangan buku ini juga ditumpukan kepada alasan penghakiman dalam kes-kes jenayah yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Perbincangan lanjut akan dilakukan terhadap bentuk hukuman yang dijatuhkan kepada Orang Kena Tuduh (OKT) yang disabitkan. Selain itu, elemen-elemen yang berkaitan dengan jenayah Syariah seperti proses pendakwaan, rundingan pra-perbicaraan dan perkhidmatan Peguam Syarie turut diberi perhatian dalam penulisan buku ini. Pada dasarnya, penumpuan kepada penulisan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan disebabkan sebahagian besar daripada amalan kehakiman Syariah di setiap negeri mengambil contoh apa yang telah dipraktikkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Meskipun terdapat perbezaan tafsiran di antara prosedur-prosedur Mahkamah Syariah Negeri, namun perbezaan tersebut bukanlah satu perbezaan yang besar. Realiti ini berlaku disebabkan pentadbiran kehakiman Syariah di setiap negeri belum lagi diselaraskan sebagaimana praktikal yang berlaku dalam Institusi Kehakiman Sivil di negara ini.

Dalam konteks negara Malaysia, pelaksanaan perundangan jenayah Islam dan yang berkaitan dengan pengurusan Hal Ehwal Pentadbiran Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri Melayu. Bagi memenuhi tujuan tersebut, Raja-Raja Melayu yang berfungsi sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing menjadi payung kepada ketuanan agama Islam. Manakala bagi negeri-negeri yang tidak beraja seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak, Ketua Agamanya ialah Yang Dipertuan Agong.

Sebagai wilayah yang wujud selepas dipisahkan dari Negeri Selangor pada tahun 1974, semua pentadbirannya termasuk Pentadbiran Hal Ehwal Islam turut dipisahkan. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ditubuhkan untuk mentadbir Hal Ehwal Islam bagi Wilayah Persekutuan. Secara umumnya, pentadbirannya tidak banyak berbeza dengan negeri-negeri lain walaupun ia ditadbir oleh Persekutuan. Akta-akta digubal di peringkat Parlimen bagi diguna